

**SATU KAJIAN SKEMA TAAKULAN AKHLAK
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU**

ASWATI BINTI HAMZAH

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2007**

**SATU KAJIAN SKEMA TAAKULAN AKHLAK
DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU**

oleh

ASWATI BINTI HAMZAH

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2007

PENGHARGAAN

Segala puji kehadiran Allah S.W.T yang amat pemurah lagi amat penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Muhammad S.A.W. Berkat keizinan, limpah kurniaNya, memberikan hidayah, segenap kekuatan dan pertolongan yang telah diberikanNya sehingga dapat menyempurnakan amanah untuk melengkapkan tesis ini. Rakaman setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana telah membiayai keseluruhan pengajian pengkaji dan memberi tempat untuk pengkaji melanjutkan pengajian di peringkat ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Prof Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed, dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, penyelia utama Dr. Abdul Ghani Kanesan Abdullah dan penyelia bersama Prof. Madya Dr. Khadijah Zon atas tunjuk ajar dan dorongan yang tidak ternilai harganya. Sekalung penghargaan kepada bekas penyelia Profesor Aminah Ayob dan Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Hamzah, yang banyak memberikan dorongan, keyakinan dan bimbingan bagi melaksanakan kajian ini.

Rakaman penghargaan kepada semua guru saya di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan terutama, Prof. Madya Dr. Ishak Ramly, Prof. Madya Dr. Hashimah Hashim, Prof Madya Dr. Mokhtar Ismail, Prof Madya Dr. Munirah Ghazali, Prof Madya Dr. Anna Christina, Dr. Hashimah Mohd Yunus, Prof Madya Dr. Zurida Ismail dan Dr. Abd Halim Ahmad yang tidak putus-putus mendoakan kesejahteraan dan membantu saya. Semua kakitangan bukan akademik PPIP yang memberi sokongan dan bantuan dalam semua aspek.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Mustapa Kassim, Prof. Maznah Ismail yang sentiasa memberi dorongan untuk saya meneruskan kajian ini. Sekalung budi dan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Chang Lee Hoon, UM, Dr. Siraje UIAM, Professor Dr. Hassan Langgulung, UIAM, Prof. Wan Mohd Nor Wan Daud, ISTAC, Allahyarham Professor Muhammad Al-Mahdi pengasas Khalifah Project yang banyak memberi nasihat dan meluangkan masa untuk perbincangan ilmiah.

Sekalung budi untuk Dr. Ahmad Marzuki Haji Zainuddin pengarah Pusat Pendidikan dan Pembangunan Manusia UIAM, Dr. Mohamad Mat Husin, UKM, Allahyarham Dr, Jamaluddin bin Osman, Penggawa Desa Siswa Bakti untuk pentadbiran ujian. Penghargaan istimewa dihulurkan kepada Dr. Chin Heng Yeap, Pusat Perkembangan Kurikulum yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan tanpa mengira waktu khususnya dalam peringkat awal kajian dan pembinaan alat ukur kajian

Terima kasih dan sekalung budi kepada pegawai-pegawai bahagian pinjaman antara perpustakaan USM, kakitangan perpustakaan Tun Seri Lanang, dan perpustakaan pendidikan UKM, Perpustakaan utama UM, UIAM yang banyak membantu untuk mendapatkan rujukan. Kepada pengarah Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Perak dan Selangor yang memberi keizinan melibatkan sekolah dan pelajar dalam pengutipan data kajian.

Akhir sekali kepada semua sahabat dan rakan seperjuangan terutama Puan Sarimah Kassim sekeluarga yang banyak menjaga dan membantu saya sepanjang tempoh ini.

Tesis ini khusus untuk

*Abah; Hamzah Kusiran,
yang sentiasa mengirimkan doa dan kasih sayang
Emak; Tusiah Kajar,
yang sentiasa merestui dan bersabar dengan kerenahku
adik beradik,
Abang Fuad, Asmilah, Fauzi, Asmidah, Fairus, Fikri,
Firdaus, Zaleha, Khadijah dan Afiqah
yang sentiasa dekat dengan kasih sayang
dalam semua keadaan,
semua guru, sahabat yang dikasihi, handai taulan
yang menjadi pendorong dan penggerak selama ini.*

*Jika hendak mengenal orang berbangsa,
lihat kepada budi dan bahasa*

Januari 2007

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang masalah	3
1.1.1	Dekadensi akhlak dalam kalangan orang Melayu	6
1.1.2.	Faktor-faktor yang mempengaruhi dekadensi akhlak dalam kalangan orang Melayu	11
	a. Faktor luaran	12
	b. Faktor dalaman	14
1.2	Pernyataan masalah	21
1.3	Objektif penyelidikan.	25
1.4	Persoalan kajian	25
1.5	Hipotesis kajian.	27
1.6.	Signifikan kajian	28
1.7.	Definisi istilah.	30
	1.7.1 Skema	30
	1.7.2 Akhlak	31
	1.7.3 Moral	32
	1.7.4 Taakulan	33
	1.7.5 Skema Taakulan Moral	33
	1.7.6 Skema Taakulan Akhlak	33
	1.7.7 Orang Melayu	34
	1.7.8 Pelajar Melayu	35
	1.7.9 Skema Taakulan Akhlak Pelajar Melayu	35
	1.7.10 Elemen Penyaring	35
1.8	Batasan Kajian	36
1.9	Kesimpulan	37

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	38
2.1	Teori-teori perkembangan moral	38
	2.1.1. Teori psikoanalisa.	40
	2.1.2 Teori pembelajaran sosial atau teori kognisi sosial	42

	2.1.3	Teori perkembangan kognitif	44
	2.1.4	Doktrin moral keagamaan dan unsur kerohanian (spiritual)	48
	2.1.5	Taakulan moral	51
	2.1.6	Kajian-kajian taakulan moral di Malaysia.	58
	2.1.7	Ringkasan, kritikan dan cadangan	68
2.2		Teori Skema Taakulan Moral oleh Neo-Kohlbergian	70
	2.2.1	Latar belakang pembentukan Teori Skema Taakulan Moral oleh Rest, pencirian teori dan kajian-kajian yang berkaitan dengannya	71
	2.2.2	Tren kajian kumpulan neo-Kohlbergian.	75
	2.2.3	Teori skema dan pengukuran pemikiran moral	81
	2.2.4	Peranan skema dalam membantu proses pemikiran individu dan perkaitannya dengan peranan skema moral dalam membantu pemikiran moral	93
	2.2.5	Elemen kepercayaan agama dalam teori skema taakulan moral	97
	2.2.6	Kesimpulan	105

BAB 3 FALSAFAH PEMBENTUKAN SKEMA AKHLAK DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI ISLAM

3.0		Pendahuluan	106
3.1		Akhlak Islam, ruang lingkup makna, orientasinya dan konsep Ad-Din.	106
3.2		Binaan akhlak Islam, ciri-ciri istimewa akhlak Islam.	115
3.3		Akhlak Islam sebagai menifestasi konsep Ad-Din	
3.4		Konsep kecemerlangan akhlak dan penyusutan akhlak (<i>morally decayed</i>) dalam Islam.	121
	3.4.1	Aspek kecemerlangan akhlak	127
	3.4.2	Memahami gabungan iman, amal dan ihsan sebagai syarat pembentukan kecemerlangan akhlak.	130
	3.4.3	Pandangan kecemerlangan akhlak dari sudut sufi sunni.	137
	3.4.4	Penyusutan akhlak (<i>morally decayed</i>) dalam Islam	143
3.5		Menifestasi konsep ad-Din dan akulturasi budaya Melayu dalam pembentukan Skema Akhlak orang Melayu	149
3.6		Agama Islam di kalangan orang Melayu.	149
	3.6.1	Penanaman nilai-nilai Islam dan amalannya dalam masyarakat Melayu	153
	3.6.2	Ajaran Islam dan sistem nilai akhlak orang Melayu.	154
	3.6.3	Perubahan masa dan impak globalisasi terhadap sistem dan nilai akhlak orang Melayu.	159
	3.6.4	Ringkasan bahagian tinjauan bacaan.	161

3.7	Kesimpulan	173
BAB 4	PENINGKONSEPAN KAJIAN	
4.0	Pendahuluan	175
4.1	Konsep taakulan moral oleh Kohlberg	175
4.2	Konsep taakulan skema moral oleh Rest dan neo-Kohlbergian	178 183
4.3	Konsep akhlak	184
4.4	Taakulan dalam Islam	185
4.5	Skema taakulan akhlak	
4.6	Konsep skema taakulan dalam ujian pengecaman taakulan akhlak(upsta)	194 198
4.7	Konsep orientasi keagamaan	198
4.8	Konsep sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial	199
4.10	Kesimpulan	
BAB 5	KAEDAH KAJIAN	
5.0	Pendahuluan	201
5.1	Tatacara menjalankan kajian	201
	5.1.1 Prosedur menjalankan kajian.	201
	5.1.2. Rekabentuk Kajian	203
	5.1.3 Subjek Kajian	203
	5.1.4 Variabel kajian	206
5.2	Pengesahan konsep kajian	207
5.3	Alat ukur kajian	207
5.4	Prosedur penentuan keesahan alat ukur	208
5.5	Pentadbiran ujian dan pengumpulan data	212
5.6	Proses penganalisan data	213
5.7	Pembinaan alat ukur	214
5.8	Konsep pengukuran taakulan berperingkat dalam temu bual penghakiman Moral Judgement Interview (MJI)	217
5.9	Konsep pengukuran taakulan dalam ujian pengenalanpastian isu (Defining Issue Test (DIT))	219
	5.9.1 Item-item DIT dan taburannya	221
	5.9.2 Konsep-konsep yang terlibat dalam perubahan DIT1-DIT2	223
	5.9.3 Indeks kemoralan	232
	5.9.4 Konsep skema taakulan UPSTA	236
	5.9.5 Kriteria untuk setiap jenis skema taakulan	238
	5.9.6 Konsep orientasi agama dalam UOK – Rasional modifikasi ORTHO pada UOK	245
	5.9.7 Konsep sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial USPSK	251
	5.9.8 Gagasan hak asasi manusia	253

5.9.9	Item-item adat resam dan budaya	254
5.9.10	Item-item pendidikan dan sosial	257
5.9.11	Item-item politik dan kenegaraan	259
5.10	Kesimpulan	261

BAB 6 ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

6.0	Pendahuluan	262
6.1	Analisa deskriptif mengikut umur, oreintasi agama dan sikap serta pegangan pelajar terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu	264
6.1.1.	Taburan subjek mengikut umur	264
6.1.2.	Pembahagian subjek mengikut kategori orientasi agama	265
6.1.3.	Pembahagian kategori sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	265
6.2	Analisa <i>cross tab</i> dan ujian Khi serta taburan hubungan subjek mengikut umur, orientasi agama serta sikap dan pegangan subjek terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	266
6.2.1	<i>Cross tab</i> dan ujian Khi umur dan orientasi agama	267
6.2.2	<i>Cross tab</i> umur dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial	267
6.2.3	<i>Cross tab</i> orientasi agama dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial	268
6.3	Analisa item-item ijian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak (UPSTA)	269
6.3.1	Analisa Faktor Konfirmatori Konstruk Skema Taakulan Akhlak	271
6.3.2	Faktor 1(konstruk 1) dan item-item muatannya	272
6.3.3	Faktor 2 dan item-item muatannya	276
6.3.4	Faktor 3 dan item-item muatannya	280
6.3.5	Faktor 4 dan item-item muatannya	284
6.3.6	Kebolehpercayaan item mengikut subskala	285
6.3.7	Penentuan jenis-jenis skema taakulan	287
6.3.7.i	Proses penentuan kategori skema	287
a.	Meneliti purata kadar pemingkatan item (PKPI, item' rating mean) dan taburan skor setiap faktor skema taakulan	289
b.	Membina struktur pengkategorian skema	290
i.	Penentuan kategori skema taakulan istiqamah	291
ii.	Penentuan kategori skema taakulan pengetahuan taqlid	294
iii.	Penentuan kategori skema	296

	taakulan taqlid	297
	iv. Penentuan kategori skema taakulan taqlid dekaden	298
	v. Aplikasi rumus dan analisis	299
c.	Mengesahkan kategori skema yang dibentuk berdasarkan ujian-ujian statistik	304
	i. Ujian korelasi di antara kategori skema taakulan yang dibentuk dengan variabel umur, orientasi agama serta sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	304
	ii. Ujian khi dan <i>cross-tabulation</i> di antara kategori skema taakulan yang dibentuk dengan variabel umur, orientasi agama serta sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	305
6.4	Pengujian Hipotesis Kajian	309
6.4.1	Hipotesis H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis-jenis skema taakulan akhlak pelajar berdasarkan kumpulan umur yang berbeza.	310
6.4.2	Hipotesis H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis-jenis-jenis-jenis skema taakulan akhlak pelajar berdasarkan orientasi agama yang berbeza.	310
6.4.3	Hipotesis H_{03} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis-jenis skema taakulan akhlak pelajar berdasarkan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	310
6.4.4	Hipotesis H_{04} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis-jenis skema taakulan akhlak dengan interaksi dua hala orientasi agama dan umur pelajar.	311
6.4.5	Hipotesis H_{05} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jenis-jenis skema taakulan akhlak dengan interaksi dua hala antara umur dengan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	311
6.4.6	Hipotesis H_{06} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skema taakulan akhlak berdasarkan interaksi dua hala antara orientasi agama dengan perbezaan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	312

6.4.7	Hipotesis H_{07} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skema taakulan akhlak dengan interaksi tiga hala antara umur pelajar, pilihan orientasi agama dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu.	312
6.5	Kesimpulan dapatan bahagian kuantitatif.	313
6.6	Analisis kualitatif.	316
6.6.2	Mengenal pasti maklumat mendalam jenis skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu	320
6.6.3	Elemen-elemen penyaring (<i>filter</i>) yang digunakan oleh pelajar Melayu dalam pembentukan skema taakulan akhlak mereka	326
6.6.4	Ciri-ciri khusus setiap jenis skema taakulan akhlak yang dihasilkan oleh pelajar Melayu	337
6.7	Kesimpulan dan rumusan keseluruhan analisis data dan dapatan kajian	340

BAB 7 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

7.0	Pendahuluan	342
7.1	Perbincangan Dapatan Berkaitan Tiga Alat Ukur, UOK, USPSK, UPSTA	342
7.2	Perbincangan Dapatan dan Rumusan	347
7.2.1	Jenis skema taakulan akhlak yang berbeza dalam kalangan pelajar Melayu	351
7.2.2	Jenis skema taakulan akhlak mengikut umur yang berbeza dalam kalangan pelajar Melayu	355
7.2.3	Jenis skema taakulan akhlak bagi pilihan orientasi agama yang berbeza dalam kalangan pelajar Melayu	360
7.2.4	Jenis-jenis skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu bagi kecenderungan sikap dan pegangan yang berbeza terhadap standard kelaziman orang Melayu.	361
7.2.5	Perbezaan jenis skema taakulan akhlak oleh interaksi antara variabel-variabel bebas	363
7.2.6	Elemen-elemen penyaring yang digunakan oleh pelajar Melayu dalam pembentukan skema taakulan akhlak mereka	365
7.2.7	Ciri-ciri khusus untuk setiap jenis skema taakulan akhlak yang dihasilkan oleh pelajar Melayu	366
7.3	Signifikan dapatan kajian	381
7.4	Implikasi kepada bidang pendidikan	391
7.5	Cadangan Penyelidikan lanjutan	392
7.6	Rumusan Kajian	393

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

396

SENARAI PENERBITAN

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	A	Surat-surat kebenaran.
Lampiran	B	Tahap-tahap perkembangan moral Kohlberg
Lampiran	C	Konseptualisasi perkembangan moral oleh Rest.
Lampiran	D	Contoh Taburan item DIT mengikut teori skema.
Lampiran	E	Alat ukur kajian (asal dan adaptasi)
Lampiran	F	Perincian makna <i>ISTIQAMAH</i>
Lampiran	G	Ringkasan Soal Selidik Hasil Analisis Faktor Kaedah Konfirmatori Putaran Varimax
Lampiran	H	Transkripsi temu bual
Lampiran	I	Ayat-ayat al-Quran.
Lampiran	J	Ringkasan analisis kes.
Lampiran	K	Hasil ujian <i>univariate</i> dan <i>Post –hoc</i>

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Jumlah jenayah keganasan dan jenayah harta benda yang dilaporkan di Malaysia dari tahun 1997-2004	7
1.2	Jumlah kes sumbang mahram mengikut pecahan Kaum tahun 1997 hingga 2002.	9
1.3	Profil penagih mengikut bangsa dan jenis kes antara Januari hingga Disember 2004	9
1.4	Rentetan kes disiplin berat yang melibatkan pelajar Melayu di sekolah menengah	10
1.5	Kes salah laku melanggar tatasusila adat dan agama dalam kalangan pelajar IPT dari tahun 2002 hingga 2003	10
3.1	Perbandingan teori-teori moral berpandukan elemen-elemen kemoralan yang dicadangkan oleh Thomas, 1997	172
5.1	Senarai tentatif sekolah-sekolah dan IPTA yang terlibat t dalam kajian.	205
5.2	Nilai alpha untuk UOK, USPSK dan UPSTA	209
5.3	Analisa ciri-ciri yang ketara direkodkan dalam temu bual rintis	210
5.4	Proses pentadbiran pengumpulan data	213
5.5	Perubahan-perubahan dalam aspek pengiraan indeks kemoralan melalui alat ukur DIT dan elemen-elemen yang berkaitan.	235
5.6	Jadual Penentu Ujian pembentukan item dan taburan item mengikut skema untuk kelima-lima teks moral yang telah dipilih.	237
5.7	Taburan skema dan nombor item mengikut teks moral	238

5.8	Tema dan item UOK	250
5.9	Matris pembentukan item-item item USPSK	253
6.1	Taburan subjek mengikut kumpulan umur	264
6.2	Taburan subjek mengikut kategori orientasi agama	265
6.3	Taburan subjek mengikut kategori sikap dan pegangan	266
6.4	<i>Cross tab</i> umur dan orientasi agama	267
6.5	<i>Cross tab</i> umur dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial	269
6.6	<i>Cross tab</i> orientasi agama dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial	270
6.7	Struktur faktor dan pemuatan faktor kaedah konfirmatori Putaran varimax (nilai muatan .3,N 688)	274
6.8	Item-item yang termuat dalam faktor 1	276
6.9	Item-item yang termuat dalam faktor 2	280
6.10	Item-item subfaktor B1 tersebar dalam teks 5	281
6.11	Item-item subfaktor B2 tersebar dalam teks 4 dan teks 5 berada pada julat .209 - .520	282
6.12	Muatan item-item dalam subfaktor B3 tersebar dalam teks 4 dan teks 5	282
6.13	Item-item yang termuat dalam faktor 3	283
6.14	Item-item yang termuat dalam faktor 4	285
6.15	Taburan item mengikut faktor komponen dan pekali kebolehpercayaan <i>crochnbach</i> alpha setiap skema	287
6.16	PKPI mengikut Komponen faktor Skema Taakulan	290
6.17	Taburan skor mengikut komponen skema taakulan	291

6.18	Contoh rawak min PKPI subjek untuk 4 faktor skema	292
6.19	Jadual frekuensi dominan mengikut skema	300
6.20	Taburan bilangan subjek termasuk dan skor mengikut kategori skema taakulan	300
6.21	Taburan bilangan subjek termasuk dalam proses aplikasi rumus	301
6.22	Kecenderungan dominan subjek secara rawak	302
6.23	Taburan subjek mengikut kategori taakulan setelah ditentukan kecenderungan skema selepas analisis terhadap ringkasan kes	303
6.24	Korelasi antara kategori skema taakulan dan purata kadar pemeringkatan item (PKPI)	304
6.25	Keputusan ujian Khi antara umur, orientasi agama serta sikap dan pegangan dengan kategori taakulan	305
6.26	<i>Cross tab</i> Umur dan kategori taakulan	306
6.27	<i>Cross tab</i> orientasi agama dan kategori taakulan	307
6.28	<i>Cross tab</i> sikap dan pegangan dan kategori taakulan	308
6.29	Keputusan ujian Univariate kategori umur*orientasi agama*sikap dan pegangan terhadap kategori skema taakulan	309
6.30	Ringkasan pengujian hipotesis kajian	313
6.31	Matris jenis skema yang diaktifkan oleh empat subjek kategori taakulan istiqamah	325
6.32	Jenis-jenis skema yang diaktifkan dan elemen penyaring yang digunakan dalam temubual mendalam	330
6.33	Taburan gabungan skema subjek	338

7.1	Bilangan subjek dalam kategori skema taakulan mengikut umur	355
7.2	Bilangan subjek dalam kategori taakulan mengikut sikap.	362

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Model segitiga Lewin berkaitan unsur-unsur membentuk tingkahlaku moral	47
2.2	Model perkembangan moral keagamaan Musa Garba 1999	50
2.3	Model penyelesaian masalah moral menurut Azizah Ahmad 1995	61
3.1	Peringkat dalam proses pemeringkatan pemerolehan ilmu (pemaknaan pengetahuan <i>/being informed</i>) dalam Islam	132
3.2	Dimensi peranan akal manusia.	142
3.3	Unsur-unsur yang menyumbang kepada pembentukan Skema Taakulan Akhlak Islam	146
3.4	Konseptual kajian; elemen-elemen yang berhubungan dengan pembentukan skema akhlak pelajar Melayu	174
4.1	Model Mental pengaktifan Skema oleh Bock dan Narvaez 2002	182
4.2	Cadangan model mental skema taakulan aklak pelajar Melayu berdasarkan Teks 1 UPSTA	193
5.1	Prosedur menjalankan kajian.	202
5.2	Kerangka kajian dan cadangan berkaitan antara variable-variabel	206
6.1	Kontinuum Skema taakulan akhlak	287
6.2	Proses pengumpulan dan analisa data temu bual Kualitatif	318
6.3	Proses pengumpulan dan analisa data temu bual kuantitatif	339

7.1	Pola keseluruhan Gabungan Taakulan akhlak pelajar Melayu	376
7.2	Model mental pengaktifan skema subjek Taqlid dekadensi (gabungan tiga skema)	378
7.3	Model mental pengaktifan skema subjek Istiqama (gabungan dua skema)	379
7.4	Pembentukan skema taakulan akhlak dari perspektif psikologi Islam hasil analisis terhadap keseluruhan maklumat literatur dan hasil dapatan kajian.	389

ABSTRAK

Akhlak orang Melayu diasaskan kepada akulturasi budaya Melayu dan ajaran Islam. Bagaimanapun, arus permodenan dan globalisasi yang melanda era ini secara tidak langsung telah menyebabkan budaya dunia dan globalisasi ala barat menular ke dalam sistem akhlak orang Melayu. Fenomena ini membawa impak yang besar dalam budaya hidup seharian orang Melayu sehingga membawa kepada keruntuhan sistem nilai dan akhlak dalam pelbagai lapisan masyarakatnya. Kesannya semakin ramai umat Melayu dilaporkan terlibat dengan pelbagai sekuen dekadensi akhlak dan gejala ini membimbangkan semua pihak. Oleh itu, matlamat utama kajian ini ialah untuk mengumpul maklumat yang dapat digunakan untuk memahami pembinaan skema akhlak orang Melayu. Faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan skema akhlak; umur, orientasi agama dan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu menjadi tumpuan kajian. Kajian juga memberi perhatian kepada paradigma keakhilkan Islam yang menekankan aspek kerohanian. Tiga jenis alat ukur dibina berasaskan paradigma ini, pertama; Ujian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak digunakan untuk mengecam kualiti taakulan akhlak yang diperincikan kepada skala satu hingga empat iaitu skema istiqamah, skema berpengetahuan taqlid, skema bertaqlid dan skema taqlid dekaden. Kedua Ujian Orientasi Agama untuk mengakses orientasi agama pilihan pelajar-pelajar, dan ketiga, Ujian Sikap dan Pegangan Terhadap Standard Kelaziman Sosial orang Melayu untuk melihat kecenderungan sikap dan pegangan terhadap kelaziman sosial yang dimiliki oleh pelajar Melayu.

Subjek kajian terdiri daripada 732 pelajar Melayu, yang terbahagi kepada 396 pelajar sekolah menengah dan 336 pelajar Institut pengajian tinggi awam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Bahagian kuantitatif melihat kesan perbezaan umur, pilihan orientasi keagamaan dan kecenderungan sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu terhadap kualiti taakulan. Data dikumpulkan daripada ketiga-tiga ujian di atas dan dianalisis menggunakan ujian *Univariate* pada darjah signifikan 0.05. Dapatan menunjukkan interaksi antara kumpulan umur, ($F = 9.775$, $DF 1$, $sig 0.002$) dan kecenderungan dalam sikap dan

pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu ($F = 9.093$, $DF 2$, $sig 0.000$) memberikan perbezaan yang signifikan terhadap kualiti taakulan akhlak pelajar Melayu. Bahagian kualitatif memberikan maklumat terperinci berhubung skema taakulan akhlak pelajar. Analisis menunjukkan empat jenis skema taakulan akhlak skema istiqamah, skema berpengetahuan taqlid, skema bertaqlid dan skema taqlid dekaden muncul dalam kalangan pelajar. Pelajar Melayu daripada kumpulan umur yang berbeza dan kualiti taakulan yang berbeza menunjukkan pengaktifan gabungan skema taakulan. Pelajar yang mempunyai skema pada skala yang tinggi mengaktifkan lebih banyak ciri-ciri akhlak Islam berbanding dengan kumpulan yang mempunyai skema skala rendah. Keseluruhannya dapatan kajian ini menjelaskan elemen-elemen yang mempengaruhi pembentukan skema akhlak pelajar Melayu. Kecenderungan pelajar dalam sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial orang Melayu memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti taakulan akhlak mereka.

A STUDY OF AKHLAK REASONING SCHEMES AMONG MALAY STUDENTS

ABSTRACT

The combination of traditional values and Islamic thoughts form the strong foundation of the Malay *akhlak* (moral). However, the advents of modernisation and globalisation have indirectly brought global culture and western globalisation into the Malay moral systems. The phenomena have a great impact on the Malay culture; contributing towards the degradation of the value and moral systems among various levels of the Malay society. Consequently, more Malays are involved in various decadent activities that, inevitably, raised concerns among many parties. The main objective of the study is to investigate the formation of *akhlak* schemes among the Malays. Contributing factors in the formation of the *akhlak* reasoning schemes, i.e., age, religious orientations, attitudes and beliefs towards the Malay social standards are the main focus of the study. The study also looks at the Islamic *akhlak* paradigm that emphasizes on spiritual aspects. Three instruments based on the paradigm are created. First, the *Akhlak Reasoning Scheme Defining Test* is used to identify the quality of the *akhlak* reasoning that is described on the scale of one to four. They are the *istiqamah* scheme, the knowledgeable scheme, the follower scheme and the decadent scheme. Second, the "Religious Orientation Test" is used to assess the students' religious orientations and third, the Attitudes and Beliefs towards the Malay Social Standard Test, assesses the students' propensities on attitudes and beliefs towards the Malay social standard.

The subjects comprise a group of 732 Malay students, where 396 are secondary school students while 336 are from the Public Higher Learning Institutions. Both the quantitative and qualitative approaches were used in this study. The quantitative analyses examine the effect of age differences, religious orientation choice, and the propensity of attitude and belief towards the Malay social standard on the reasoning quality. The data collected from the three tests above were analyzed using the Univariate test at 0.05 level of significance. The results show the age group, ($F = 9.775$ DF 1, sig 0.002) and propensity of attitude and belief towards the Malay social standard ($F = 9.093$ DF 2, sig

0.000) have significant effect on the Malay students reasoning schemes. The qualitative analyses provide detailed information on the students' *akhlak* reasoning schemes. The analyses show that four different types of reasoning schemes: *istiqamah*, knowledgeable and passive imitation, passive imitation and passive imitation decadency exist among the students. Malay students of different age groups and reasoning qualities demonstrate a mixture of reasoning schemes. Students who score higher on the reasoning schemes initiate more Islamic *akhlak* features compared to those with lower scores. Overall, findings from the study describe the elements that influence the formation of the Malay students' *akhlak* reasoning schemes. Significantly, the students' age, and propensities on attitude and belief towards the Malay social standard play an important role in determining their *akhlak* reasoning quality.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pembentukan masyarakat berakhlak dan mempunyai kerohanian yang tinggi merupakan salah satu agenda utama negara. Hasrat ini telah diuar-uarkan melalui wawasan 2020 yang antara lainnya berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang kukuh dengan sifat-sifat kerohanian dan mempunyai moral yang progresif dan dinamik. Aspirasi ini telah termaktub dalam sistem pendidikan negara sejak sekian lama seperti yang dinyatakan dalam Laporan Kabinet Mengkaji Semula Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979:

...mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan dapat berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia...

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988 m.s 35).

Punca-punca akhlak yang mulia tidak dapat dipisahkan daripada aspek keagamaan seperti yang dinyatakan oleh ahli falsafah barat; Hutcheon (1999): agama ialah pembentuk nilai, sikap dan tingkah laku yang paling berkesan;

...it is clear that ritualized religious faith has been a powerful shaper of individual values, attitudes and behaviour in every culture group in everytime and place ... (ms. 8)

Bagaimanapun, menurut Sidek Baba (2001), sehingga ke era globalisasi ini senario amalan akhlak serta nilai yang dilaporkan dalam kalangan masyarakat Malaysia menampakkan 'jurang' ketidaklangsungan antara harapan, peranan dan keupayaan kita dalam melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan bermoral tinggi. Golongan muda sebagai contoh tidak

memperlihatkan atribut sosial yang mulia seperti tidak mempunyai sifat dan perangai yang bersopan dan sensitif terhadap nilai sosiobudaya (Hussein Hj. Ahmad, 1993). Kes-kes keruntuhan akhlak yang dilaporkan oleh media dan perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berwajib menggambarkan wujudnya krisis nilai akhlak dalam kalangan masyarakat Malaysia hari ini. Sebagai contoh, masalah disiplin dan keruntuhan akhlak dianggap sebagai perlakuan tidak bermoral kerana berbentuk pelanggaran peraturan dalam norma masyarakat (Tan Bee Chu, 2001).

Gejala keruntuhan akhlak ini sering dikaitkan dengan fenomena kemerosotan nilai atau keadaan susutan nilai akhlak. Fenomena ini disebut juga sebagai gejala dekadensi akhlak. Dari sudut bahasa, '*dekadensi*' bermaksud kemerosotan nilai atau kemunduran nilai berbanding dengan nilai yang sebelumnya (Kamus Dewan, 1993). Dari sudut kemasyarakatan pula, *dekadensi* menggambarkan keadaan susutan nilai dari norma dan sistem nilai yang sempurna yang telah diamalkan dan diterima pakai oleh masyarakat tersebut (Syed Hossein Nasr, 1975).

Nilai akhlak dalam kalangan masyarakat Malaysia terbentuk daripada akulturasi nilai-nilai kerohanian yang mutlak dan suci yang telah termaktub dalam ajaran agama, terutamanya agama Islam sebagai agama rasmi negara, juga nilai-nilai yang baik dari semua agama lain; di samping nilai-nilai tradisi yang tidak bercanggah dengan sistem nilai ini. Sistem nilai inilah yang menjadi panduan kepada kelakuan, tatatertib, maruah dan perbuatan lahiriah yang mencerminkan akal budi, keimanan, dan kepercayaan masyarakat Malaysia. Oleh itu akhlak masyarakat Malaysia dapat diertikan sebagai perlakuan baik

buruk mengikut suruhan dan larangan agama serta amalan tradisi masyarakat negara ini.

Gejala dekadensi akhlak berlaku dalam semua kaum di negara ini. Menurut Ismail Ibrahim (1996), orang Melayu terutamanya sedang bergelut untuk mempertahankan adat tradisi Melayu yang sebenar. Hal ini amat ketara terutamanya dalam kalangan generasi muda Melayu yang sedang melalui proses perubahan budaya dan nilai yang umumnya mengikuti model budaya dan nilai barat. Golongan muda Melayu kini terlibat dalam ajaran-ajaran agama baru daripada pelbagai sumber terutamanya kumpulan-kumpulan *black metal* yang kononnya memberikan formula ketenangan fikiran kepada mereka melalui muzik rock. Realiti yang terpapar dari senario gejala sosial di atas menampakkan konflik antara penghayatan nilai-nilai Islam yang baik dengan tingkah laku golongan Melayu yang rata-ratanya beragama Islam. Mereka melakukan perkara-perkara yang dilarang agama secara berterusan dan tidak meletakkan nilai baik buruk, dosa pahala di bawah anjuran syariat Islam.

Mengambil fenomena di atas dan mengaitkannya dengan psikologi moral, kemoralan dapat dilihat menerusi tiga komponen iaitu penaakulan moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Ketiga-tiga komponen moral ini saling berkait dan berhubungan yang akhirnya diterjemahkan dalam tingkah lakuan moral. Justeru kajian deskriptif eksploratori ini memfokus untuk memperihal pembentukan skema taakulan akhlak pelajar Melayu secara komprehensif.

1.1 Latar Belakang Masalah

Penaakulan akhlak merupakan satu aktiviti kognitif yang melibatkan pertimbangan akhlak untuk mencapai keputusan akhlak. Kajian dalam bidang moral sering cuba mengaitkan penaakulan moral dengan tingkah laku moral.

Oleh itu, dekadensi akhlak yang berturutan dapat dijadikan petunjuk kepada keperluan untuk mengumpul maklumat terperinci konflik susutan nilai dalam proses penaakulan akhlak dalam kalangan generasi muda Melayu.

Masyarakat dunia kini sedang melalui fenomena 'kemerosotan moral' (*moral decline*) 'dekadensi moral' (*moral decadent*) dan juga ketidakpastian moral (*moral uncertainty*) (Smith, 2000). Suasana ini sangat berkait rapat dengan penjajahan pemikiran dan pendominasian budaya barat secara berterusan terhadap seluruh warga dunia melalui wahana globalisasi dan imperialisme budaya (Abd. Rahman Embong, 2002). Corak pemikiran dan budaya barat ini mengekal dan mengembangkan fahaman sekular yang membuat pemisahan secara terang-terangan antara agama dan aspek kehidupan yang lain. Perkembangan ini dikatakan menjadi punca kepada keruntuhan dalam aspek kejiwaan manusia dan keruntuhan nilai yang amat ketara (Osman Bakar, 1997). Walaupun terdapat kebangkitan gerakan-gerakan yang mengajak manusia kepada perkara-perkara kebaikan, suasana pembangunan dunia hari ini dapat diibaratkan sebagai dunia tanpa agama, ilmu dan iman seperti patung tidak bernyawa (Yusuf Al-Qadhwawi, 1999).

Krisis ini tidak terlepas dalam mempengaruhi kehidupan warga Malaysia dan orang Melayu khususnya. Pertembungan antara nilai agama dengan nilai moden dalam arus globalisasi telah meletakkan masyarakat Melayu dalam dilema krisis nilai yang genting. Krisis nilai ini telah meresap ke seluruh aspek kehidupan baik dari aspek pemikiran, tindakan dan amalan dalam kehidupan seharian. Masyarakat Melayu mengalami transformasi sosial dan nilai yang melibatkan perubahan dalam amalan hidup beragama dan tafsiran terhadap agama. Kehidupan masyarakat mengalami fenomena ketidaktentuan,

kehidupan yang bercirikan ketidakpastian, kehidupan berisiko akibat perubahan-perubahan drastik yang amat sukar difahami. Perubahan ini membawa cabaran kepada akhlak dan erti hidup sebagai manusia Islam yang dilingkari persekitaran yang kosong spirituil (Abd. Rahman Embong, 2002).

Natijahnya di Malaysia menurut Syed Othman Al-Habshi (2002) dan Ismail Ibrahim (1999), umat Melayu Islam sering dilabel sebagai mendominasi masalah masyarakat hari ini walaupun mereka beragama, beriman dan sepatutnya mempunyai akhlak yang mulia. Mereka terlibat dalam pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, rogol dan lain-lain berbanding masyarakat bukan Islam. Fenomena pesongan tingkah laku dan keruntuhan akhlak dalam kalangan individu sering dikaitkan dengan kerendahan tahap taakulan mereka dalam membuat pertimbangan ketika berdepan dengan masalah kehidupan seharian (Abdul Rafie Mahat, 2001).

Dalam hal taakulan moral (*moral reasoning*), perkembangan kemahiran taakulan moral ini dapat membantu individu memiliki kekuatan pemikiran moral; memahami nilai moral sebagai landasan mencorakkan pemikiran idealisme mereka (Abd. Rahim Abd Rashid, 2001). Kemahiran taakulan moral sangat penting peranannya dalam menonjol keterampilan tingkah laku moral seseorang kerana terdapat hubungkait yang sangat rapat antara taakulan moral dan tingkah laku moral (Rothman, 1980). Sehubungan dengan ini, ahli akademik menyarankan tentang keperluan pelajar kita untuk mempunyai keupayaan dalam membuat taakulan moral dengan mengemukakan hujah dan fakta-fakta moral yang relevan (Abd.Rahman Md. Aroff, 1999).

1.1.1 Dekadensi akhlak dalam kalangan orang Melayu

Walaupun Malaysia masih belum mencapai status negara maju, masalah sosial, dan kejatuhan akhlak yang berlaku di Malaysia tidak terlepas daripada trend dan ciri-ciri masalah sosial yang berlaku di negara-negara maju (Rahimah Abd. Aziz & Mohamad Yusoff Ismail, 2000). Umumnya, masyarakat Malaysia menghadapi konflik kelunturan nilai-nilai moral dan tradisi di samping menghadapi cabaran pertumbuhan budaya-budaya baru (*sub-culture*) yang semakin meresap dalam masyarakat hari ini (Lutpi Ibrahim, 1993). Konflik ini mencetuskan pelbagai isu pelanggaran norma, adat dan undang-undang negara dalam pelbagai bentuk seperti perlakuan jenayah yang melibatkan semua peringkat masyarakat.

Realiti keruntuhan akhlak ditunjukkan dengan peningkatan statistik kes-kes jenayah yang dilaporkan dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini seperti dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Jumlah jenayah keganasan dan jenayah harta benda yang dilaporkan di Malaysia dari tahun 1997-2004

JENAYAH KEGANASAN								
Bunuh	540	629	588	551	608	516	565	565
Cuba Bunuh	52	51	52	43	68	64	77	92
Samun Berkawan Bersenjatapi	43	64	74	89	65	73	45	44
Samun Berkawan Tanpa Senjatapi	1,079	1,385	1,482	1,681	1,697	1,704	1,920	1,689
Samun Bersenjatapi	589	741	700	722	566	425	381	334
Samun Tanpa Senjatapi	7,316	9,518	11,494	12,204	11,333	12,203	13,963	13,221
Rogol	1,429	1,539	1,457	1,210	1,354	1,418	1,471	1,718
Mencederakan Manusia	5,871	5,746	5,310	5,104	4,699	4,440	4,368	4,196
JUMLAH	16,919	19,673	21,157	21,604	20,390	20,843	22,790	21,859
JENAYAH HARTA BENDA								
Pecah Rumah & Curi (Siang)	7,716	8,912	9,401	8,675	7,449	6,821	6,928	6,550
Pecah Rumah & Curi (Malam)	21,644	25,559	26,535	24,238	21,003	18,444	18,861	18,354
Curi Motor Lori/Van	1,801	2,579	3,485	3,698	4,306	4,570	5,551	4,892
Curi Motokar	3,299	4,605	6,196	7,278	8,520	8,544	8,537	8,624
Curi Motosikal	26,796	36,766	41,905	45,903	47,223	47,137	50,212	51,560
*Curi Ragut	-	-	-	15,082	14,368	14,640	15,798	11,536
Lain-Lain Curi	43,001	60,765	60,436	54,881	33,210	28,043	27,638	33,080
JUMLAH	104,257	139,186	147,958	145,569	136,079	128,199	133,525	134,596

Sumber: Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, *online*

Statistik di atas menunjukkan pertambahan jumlah kes jenayah keganasan dan harta benda yang dilaporkan dalam tempoh lapan tahun (1997-2004). Peningkatan yang ditunjukkan dalam statistik di atas mungkin dapat dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti pertambahan komposisi penduduk, kemerosotan ekonomi dalam tempoh tertentu dan juga kepesatan pembangunan ekonomi serta fizikal di Malaysia.

Bagaimanapun, dari sudut yang berbeza, informasi yang tersirat di sebalik statistik di atas ialah gambaran fenomena keruntuhan akhlak masyarakat Malaysia. Peningkatan statistik jenayah di atas berkaitan dengan peningkatan perlakuan-perlakuan yang terpesong daripada nilai akhlak dan norma masyarakat. Pesongan tingkah laku yang sebegini berkait rapat dengan kemoralan seseorang individu atau kemoralan kumpulan tertentu (Armon, 1998). Oleh itu berdasarkan statistik tersebut dapat diandaikan bahawa bertambahnya jumlah kejadian jenayah dalam kalangan masyarakat Malaysia juga berkaitan dengan faktor dekadensi moral dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Apabila isu-isu pelanggaran norma dan penyusutan nilai akhlak dikaitkan dengan masyarakat Melayu pula, isu kejatuhan akhlak bukanlah satu perkara baru. Gejala sosial yang meresap dalam masyarakat Melayu melibatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur dan status sosial mereka. Dalam kalangan pemimpin negara misalnya sering terlibat dengan gejala rasuah dan salah guna kuasa begitu juga dengan kakitangan awam kerajaan seperti pihak polis, kastam dan guru. Di samping itu terdapat juga bentuk penipuan yang diselindungi dengan label 'skim cepat kaya' dalam kalangan golongan korporat.

Dalam lingkungan kekeluargaan pula ibu bapa terlibat dengan kes-kes penderaan kanak-kanak dan kejadian-kejadian sumbang mahram, merogol anak atau saudara sendiri (Jabatan Kebajikan Masyarakat 1999; 2002). Berikut pula adalah contoh isu moral di media yang menceritakan penglibatan masyarakat Melayu dalam gejala sosial. Jadual 1.2 menjelaskan perangkaan

penglibatan mereka dalam kes-kes sumbang mahram mengikut pecahan kaum di seluruh negara dari tahun 1997 sehingga suku pertama tahun 2002.

Jadual 1.2: Jumlah kes sumbang mahram mengikut pecahan kaum tahun 1997 hingga 2002.

Tahun / Bangsa	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Melayu	186	220	192	158	179	43
Cina	10	13	7	5	9	4
India	21	27	15	12	17	6
Lain-lain	34	57	61	38	41	12
Jumlah	251	317	275	213	246	65

Sumber: PDRM; Mingguan Malaysia, 14 April 2002

Jadual 1.3: Profil penagih dadah mengikut bangsa dan jenis kes dari Januari hingga Disember 2004.

Jenis kes dan bangsa	Kes Baru	Kes berulang	Jumlah
Melayu	12404	12584	24988
Pribumi Sabah	2895	601	3496
Pribumi Sarawak	122	25	147
Cina	1890	3365	5255
India	1415	2122	3537

Sumber : Agensi Dadah Kebangsaan 2004

Jadual di atas menunjukkan perangkaan penglibatan berterusan golongan remaja Melayu dalam masalah ketagihan dadah. Di samping terlibat dengan isu penyalahgunaan dadah, remaja Melayu juga bergelumang dengan gejala seks rambang, pembuangan bayi, kegilaan yang melampau terhadap muzik moden dan liar seperti rock, *black metal*, *raggae* dan *rap* (Rahimin Affandi, 1999). Mereka juga dikatakan semakin hilang rasa hormat terhadap golongan tua dan bersikap lebih individualistik dan materialistik (Saedah Siraj, 2002). Sikap sebegini menjadi faktor kepada penglibatan dalam masalah disiplin berat sehingga membawa kepada perlakuan samseng, menyerang guru, dan membunuh kawan sendiri. Jadual 1.4 menunjukkan rentetan

kejadian masalah disiplin berat yang menggemparkan negara, yang rata-rata melibatkan pelajar Melayu di sekolah menengah.

Jadual 1.4: Rentetan kes disiplin berat yang melibatkan pelajar Melayu di sekolah menengah.

Tarikh	Kes
15 Ogos 2003	Mohd, Hafizi Jumhari, 16 tahun, daripada SM Teknik Batu Pahat telah dilaporkan kehilangan buah pinggang kirinya setelah cedera teruk dibelasah sekumpulan pelajar di asrama sekolahnya.
20 Ogos 2003	20 orang pelajar Sekolah Tuanku Abul Rahman, Ipoh di buang sekolah kerana mewujudkan dan menghidupkan budaya samseng 'High Council' di sekolah.
29 Ogos 2003	6 pelajar Maktab Melayu Kuala Kangsar dibuang sekolah kerana terlibat menyerang tiga guru dengan parang panjang dan pisau rambo.
1 Oktober 2003	Seorang pelajar, Che Ku Azwan, meninggal dunia setelah ditikam oleh kawan sendiri di tempat letak motor di sebuah sekolah menengah di Setiu, Terengganu.

Sumber: Utusan Malaysia *online* 2003

Selain itu pelajar Melayu di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga dilaporkan semakin berani melakukan perbuatan yang melanggar tatasusila, adat dan agama seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Jadual 1.5 menunjukkan perangkaan kes salah laku melanggar tatasusila adat dan agama dalam kalangan pelajar IPT.

Jadual 1. 5: Kes salah laku melanggar tatasusila adat dan agama dalam kalangan pelajar IPT dari tahun 2002 hingga 2003

Institusi	Tahun 2002	Sehingga Mei 2003
UIA	4	-
UM	5	2
UKM	6	4
UPM	-	3
UiTM	231	78
KOLEJ	75	75
SWASTA		
POLITEKNIK	18	16
KISDAR	2	-

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor, JAIS dalam Minda; November 2003)

Kesemua data yang dipaparkan di atas menjelaskan penglibatan orang Melayu yang amat ketara dalam perlakuan pelanggaran akhlak. Fenomena ini mengundang beberapa persoalan seperti apakah benar globalisasi dan era teknologi maklumat serta pembangunan dari barat telah membawa pengaruh yang begitu besar dalam aspek nilai dan moral golongan Melayu di negara ini?

1.1.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi dekadensi akhlak orang Melayu.

Sehingga kini norma akhlak yang menjadi pegangan masyarakat Melayu hasil daripada gabungan elemen-elemen budaya Melayu tradisi adalah tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Malah nilai-nilai Islam dapat dilihat dengan ketara dalam pelbagai aspek kehidupan, pemerintahan dan perundangan Malaysia (Jas Laile Suzana Jaafar, 1999).

Era mutakhir ini telah memperlihatkan campur aduk antara budaya dan nilai tradisi yang dicengkam oleh perkembangan budaya barat sekular yang berleluasa dalam segenap aspek kehidupan orang Melayu. Benarkah konflik budaya dan krisis nilai ini telah menjalar ke dalam corak pemikiran moral dan masyarakat Melayu sehinggakan mereka seolah-olah hilang identiti diri dengan terlibat secara berterusan dalam perlakuan-perlakuan sumbang dan tidak beretika itu? Adakah hal ini dapat dikaitkan dengan penyusutan bentuk-bentuk pengetahuan akhlak (skema taakulan akhlak) masyarakat Melayu daripada sistem nilai masyarakat yang dipegang kukuh dalam perlembagaan dan perundangan negara?

Mengikut Mohd Shahir Haji Abdullah (1996) akhlak masyarakat Melayu kini menggambarkan satu krisis nilai yang membawa kepada 'era kejatuhan akhlak' dan lunturnya sifat kemanusiaan walaupun pada masa yang sama

terdapat kemajuan pesat dalam bidang teknologi dan intelektual. Kemerosotan akhlak generasi muda Melayu, peningkatan gejala sosial dan kegelinciran nilai agama yang membawa kepada murtad melambangkan nilai Melayu Islam semakin merosot (Nasharudin Mat Isa, 2002).

Keadaan yang semakin menjadi-jadi ini amatlah membimbangkan semua pihak dan mencetuskan persoalan untuk mengenal pasti maklumat yang dapat membantu memahami fenomena ini dan seterusnya mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Mungkinkah corak pemikiran akhlak orang Melayu sekarang telah terpengaruh dengan corak pemikiran barat sekular.

Dalam meneliti fenomena ini, terdapat dua faktor yang dikenal pasti membawa impak besar dalam isu dekadensi akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu (Aminuddin Ruskam *et al* 2000). Pertamanya; **faktor luaran** yang secara jelasnya melibatkan faktor persekitaran sosial yang tidak membina seperti pengaruh media massa dalam menyebarkan budaya hidup glamor, budaya hiburan, nilai-nilai hidup materialistik. Kedua; **faktor dalaman** yang melibatkan kekeliruan minda, kerapuhan pegangan agama dalam kalangan masyarakat umum khususnya generasi muda dan sikap negatif terhadap jaringan komunikasi dalam masyarakat.

a) Faktor luaran

Unsur utama dalam **faktor luaran** ialah persekitaran sosial. Menurut Eliade, M. dalam Lutpi Ibrahim (1993) persekitaran sosial dapat mengajar seseorang ke arah kebaikan atau sebaliknya menjadi penggalak kepada kemaksiatan. Impak faktor persekitaran ini dikaitkan dengan kemunculan era globalisasi yang dikatakan membawa gelombang perubahan besar dalam

kehidupan masyarakat dunia hari ini. Hal ini telah dibayangkan tiga puluh tahun lalu oleh Alvin Toffler dalam bukunya *Future Shock* (1970). Toffler (1970) menjelaskan bahawa perubahan pesat yang dialami tidak sahaja melanda dalam aspek teknologi, pengetahuan, gaya hidup, kemajuan ekonomi, malahan yang membimbangkan ialah keruntuhan institusi keluarga akibat perubahan nilai-nilai baru yang membawa kepada kejutan budaya. Hal ini berlaku kepada masyarakat maju juga dalam kalangan masyarakat membangun (Toffler, 1970).

Impak globalisasi seperti *global village*, “berfikir secara global bertindak secara lokal”, “*world class, strive for excellence*”, telah mula kelihatan dalam masyarakat Malaysia. Pelbagai ideologi serta konsep baru yang menjanjikan berlakunya rombakan besar dalam sistem nilai masyarakat seluruhnya telah dirasai kehadirannya (Abd. Rahman Embong, 2002). Ideologi-ideologi baru dan asing ini menyerap masuk dalam sistem budaya hari ini melalui pelbagai cara terutamanya dalam bentuk hiburan seperti televisyen, internet, filem-filem dari luar negara, bahan-bahan bacaan dan lainnya (Ismail Ibrahim, 1999).

Kebimbangan ini juga telah dinyatakan dalam perkara 1.53 Rancangan Malaysia Ke Lapan:

Pembangunan ekonomi dan pambandaran memberikan kesan ke atas norma institusi sosial dan kebudayaan. Globalisasi mempunyai impak dan mungkin mengancam keutuhan struktur kekeluargaan dan komuniti tradisional serta mempengaruhi nilai-nilai budaya dan norma dalam intergrasi sosial. Pembinaan nusa bangsa haruslah memastikan mempunyai daya tahan untuk melalui perubahan ini. Jika tiada keupayaan ini, untuk menghadapi perubahan sosial, perubahan gaya hidup dan struktur kekeluargaan timbul pelbagai masalah gaya hidup dan struktur kekeluargaan.

(Jabatan Perdana Menteri, 2001 : ms.20)

Umum diketahui bahawa perkembangan pesat dalam ICT telah membawa kemudahan perkhidmatan jaringan antarabangsa (*internet*) dari segi maklumat dan kebebasan memuat dan melalui portal-portal percuma. Di samping itu kebebasan mengakses dan memilih maklumat melalui laman-laman web terus diberi ruang. Senario ini telah melahirkan sikap mementingkan kebebasan individu dan menolak amalan dan cara hidup masyarakat yang sedia ada. Kebebasan dalam dunia tanpa sempadan ini dikhuatiri akan melahirkan masyarakat yang bersifat abstrak dan tidak mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap perkara yang dikongsi. Impak yang kritikal ialah berlakunya pencairan prinsip-prinsip agama, adab dan norma-norma kehidupan sesuatu komuniti yang melenyapkan nilai-nilai etika dan estetika sesuatu bangsa (Hanipah Hussin, 2001). Hal ini sudah pasti menjadi cabaran besar dalam institusi pendidikan untuk memupuk dan mempertahankan nilai akhlak dan moral yang mampu menangani gelojak nilai dalam era globalisasi.

b) Faktor dalaman

Faktor dalaman merujuk kepada kekurangan daya tahan minda dan agama untuk menolak elemen-elemen yang bertentangan dengan nilai akhlak timur dan Islam. Amalan pendidikan kita yang cuba memupuk nilai kerohanian dan akhlak yang mulia secara berterusan nampaknya tidak mampu memberikan daya tahan yang mapan dalam kalangan orang Melayu. Walaupun amalan pendidikan telah dilaksana menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertunjangkan pembentukan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Nik Aziz Nik Pa, 1996) tetapi masih

tidak dapat memberikan kekuatan minda kepada pelajar Islam untuk menolak pengaruh akhlak barat. Mata pelajaran agama Islam juga telah sekian lama diajar dan dipelajari di sekolah-sekolah dan dijadikan wadah utama yang menekankan aspek pembangunan rohani dan penyemaian nilai-nilai yang terpuji. Begitu juga kebangkitan era pendidikan Islam di Malaysia sejak 80-an (Chandra Muzaffar, 1987) yang memperlihatkan pertumbuhan pesat penubuhan sekolah-sekolah agama di bawah naungan pertubuhan Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), sekolah-sekolah di bawah majlis Agama Islam negeri, semua ini masih tidak mampu menyuburkan penghayatan nilai-nilai Islam dalam peribadi orang Melayu.

Demikian juga, masalah sosial seperti perlakuan sumbang dan tidak beretika dalam masyarakat Melayu kini sering dikaitkan dengan ceteknya pengetahuan dan ketidakkukuhan pegangan asas kerohanian mereka (Amran Kasimin, 1993; Fatimah Salleh & Khadijah Zon, 2002). Kekurangan ini sering dikaitkan dengan ketidakupayaan amalan pendidikan dalam meneruskan penghayatan dan kebatinan nilai-nilai akhlak yang tinggi. Hal ini mungkin berpunca daripada dua sebab;

- i. pendedahan berterusan kepada corak pemikiran barat, dan
- ii. kurang keberkesanan pendekatan yang digunakan dalam pendidikan moral dan agama Islam dalam memupuk nilai-nilai kerohanian.

Pendedahan kepada paradigma pemikiran moral barat dapat dilihat dari sudut pengajaran dan pembelajaran di Malaysia yang lebih cenderung kepada

pendekatan progresif dari barat yang popular pada awal abad ke 20. Pendekatan progresif ini merupakan satu pendekatan holistik yang menyarankan ciri-ciri seperti sifat terbuka dalam kalangan pelajar, perkembangan semula jadi pelajar, pembelajaran interaktif dan juga menanam sifat atau keupayaan membuat pertimbangan yang bermoral dalam situasi seharian melalui pengalaman bersosialisasi di sekolah ataupun di luar sekolah. Pendekatan ini menolak nilai-nilai tradisi dan agama yang dilihat sebagai tidak holistik, bersifat sempit dan *ortodoks*. Falsafah kemoralan barat ini mengasingkan sesuatu yang bersifat agama dengan sesuatu yang bersifat sekular (Ghazali Othman & Yusfarina Mohd Yusof, 2001).

Fenomena di atas telah mengakibatkan pendedahan berterusan paradigma pendidikan barat; meliputi makna dan ruang lingkup kemoralannya kepada generasi hari ini. Tradisi intelektual barat moden mengandaikan bahawa persoalan etika (falsafah akhlak dan moral) dapat digarap melalui kekuatan akal manusia yang tinggi (Mohd.Farid Mohd Shahrhan, 1999). Fahaman ini melanda seluruh pelusuk dunia sehinggakan ruang lingkup dan makna moraliti meminggirkan aspek spirituil (Khaleefa, 1999; Sarah Mohd Jiwa, 2001). Dengan kata lain corak pemikiran moral barat menolak perkaitan yang logik antara moral dengan agama seperti kata Downey, "*...the basis of any set of moral principle is independent of religious beliefs...*". (1982, m.s.7)

Bentuk-bentuk kemoralan barat ini menyelinap masuk dalam pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Sebagai contoh, pendekatan moraliti kognitif, yang memperlihatkan pendekatan formalis strukturalis yang dipelopori oleh Kohlberg paling meluas

digunakan dalam pengajaran moral di sekolah-sekolah di Malaysia (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001). Pendekatan ini menitikberatkan pencapaian penguasaan moral dalam tahap-tahap perkembangan kognitif tertentu yang dianggap bersesuaian dengan tahap umur individu (Kohlberg, 1982). Pendekatan ini dapat memberikan kemahiran menganalisis sesuatu isu moral dan sosial dengan lebih komprehensif. Pendekatan pengajaran dan penilaian yang dianjurkan oleh aliran ini menggalakkan individu membuat taakulan moral yang subjektif dan fleksibel. Taakulan moral beroreintasikan kebebasan individu dan menjauhkan individu daripada pegangan terhadap nilai-nilai moral keagamaan selaras dengan aliran pemikiran moraliti barat (Colby & Damon, 1992; Walker, 1998; Musa Garba, 1999). Walaupun pendekatan ini dilihat dapat memberi kemahiran meneliti masalah moral yang baik namun nilai moral yang ditekankan tidak ada kena mengena dengan konsep ketuhanan, sebaliknya hanyalah suatu tanggungjawab moral yang bersifat kemasyarakatan (Musak Mantrak, 1996). Pendekatan ini dikatakan sebagai bersifat liberalisme dan sekularisme dalam amalan pendidikan (Faisal Hj Othman, 1988). Tambahan lagi, pengasingan pembelajaran moral dan agama Islam yang berlaku dalam kurikulum pendidikan di Malaysia sekarang, dilihat sebagai satu kekurangan kepada pelajar Melayu dari aspek kemahiran meneliti dan memahami taakulan akhlak. Tegasnya pendekatan ini mengakibatkan pelajar berada dalam kancuh kecelaruan fikiran apabila berhadapan dengan situasi-situasi moral kerana mereka tidak didedahkan pada kemahiran dan strategi taakulan moral (Awang Had Salleh, 1993).

Di samping itu pelajar Melayu juga dikatakan mudah hilang pegangan pada nilai-nilai agama dan unsur kerohanian berpunca daripada asas

penghayatan mereka yang tidak kukuh terhadap pengetahuan agama (Abd. Kadir Ariffin, 2003). Persoalan ini sering dikaitkan dengan masalah kelemahan amalan pendidikan agama Islam dalam menyemai nilai-nilai yang baik di sekolah. Hal ini berkait dengan struktur dan binaan sukatan pelajaran agama yang lebih berorientasikan peperiksaan dan amat menumpukan penguasaan isi kandungan dan kehendak-kehendak sukatan pelajaran sahaja (Ghazali Othman & Yusfarina Mohd. Yusof, 2001; Azma Mahmood *et.al*, 2002).

Justeru, hal ini mengakibatkan kurangnya tumpuan kepada pendidikan akhlak yang menjadikan pelajar Islam mudah mengalami kekeliruan ketika membangunkan pengetahuan akhlak. Di samping itu mereka juga berada dalam dilema sama ada untuk terus berpegang kepada nilai agama ataupun memilih nilai-nilai baru yang wujud di persekitaran mereka ketika berhadapan dengan masalah-masalah sosial. Kekurangan kemahiran dan pengamatan intelektual yang kurang tajam menjadikan mereka mudah goyah dan tidak dapat membuat pertimbangan yang jelas dan tepat apabila berhadapan dengan perkembangan semasa, akibatnya, akhlak pelajar Islam menjadi semakin merosot (Abd. Kadir Ariffin, 2003).

Lebih jauh dari ini wujud pula gejala penolakan terhadap setiap nilai tradisi bangsa dan umat serta kecenderungan untuk menerima segala nilai baru tanpa mengambil kira sama ada nilai yang baru itu sesuai dengan nilai-nilai asasi agama Islam yang menjadi anutan mereka atau tidak (Faisal Hj. Othman, 1988). Jelasnya sistem pendidikan agama Islam masih tidak berupaya memberi tindakbalas yang wajar terhadap perubahan-perubahan sosial yang berlaku hari ini. Fenomena ini melahirkan golongan umat Islam

yang tidak mempunyai kekuatan peribadi, tidak mempunyai arah dan tujuan yang jelas untuk dilalui dan direntasi (Yusuf Al-Qadhwawi, 1996).

Kedua-dua fenomena di atas menjelaskan bahawa amalan pendidikan dan etika moral yang digunapakai dalam sistem pendidikan selama ini sememangnya kurang menekankan dimensi spirituil dan hanya mementingkan kekuatan akal manusia semata-mata (Mohd Farid Mohd. Shahrar, 1999). Sedangkan kekuatan akal manusia mempunyai batasan yang terhad dalam membuat perhitungan dalam hal-hal moraliti ini. Walaupun manusia mempunyai akal fikiran yang dapat menentukan nilai-nilai kebaikan dan keburukan dalam kehidupan sehariannya, nilai dan undang-undang yang dibuat oleh akal fikiran manusia itu tidak mutlak dan tidak sempurna selain tidak dapat memenuhi maslahat manusia. Hal ini disebabkan oleh fikiran manusia yang terbatas dan manusia selalu dipengaruhi oleh nafsu (Tajul Ariffin Noordin, 1996). Selain itu hal ini jelas dilihat dalam gelojak nilai yang melanda generasi muda Melayu yang terikut-ikut dengan kebergantungan terhadap kekuatan logik akal mereka.

Aliran liberalisme dan sekularisme yang masih menjiwai dasar pendidikan di Malaysia didapati masih tidak mampu untuk menyepadu dan mengharmonikan antara ilmu, budi pekerti, jiwa yang luhur dan amal yang mulia dalam diri manusia (Faisal Hj.Othman, 1988). Pendidikan moral yang tidak berpaksikan kepada agama tidak membawa apa-apa makna pembinaan dan moral kepada guru dan pelajar. Malahan mewujudkan suasana yang bercorak relatif, tidak pasti, ragu-ragu (*syak*) dan meneka-neka (*zann*) yang mengakibatkan ilmu yang dipelajari tidak mantap dan hilang makna. Sifat

relativisme ini akhirnya membawa para pelajar kepada hala tuju yang salah dan merosakkan pelajar (Ghazali Othman & Yusfarina Mohd Yusof, 2001).

Selain kekurangan dalam amalan pendidikan dan paradigma pemikiran barat yang menyerap masuk ke dalam sistem nilai orang Melayu terdapat juga gerakan-gerakan Islam yang bersifat fundamentalis seperti golongan Syiah yang membawa pendekatan ajaran Islam yang berbeza (Chandra Muzaffar, 1987). Tafsiran agama yang berbeza ini membawa kecelaruan terutama kepada golongan yang dilanda kejahilan untuk memahami dan menghayati agama Islam itu sendiri (Nasharuddin Mat Isa, 2002). Kesan yang ketara dapat dilihat melalui wujudnya keadaan umat Islam yang tercari-cari pautan keimanan dan akhirnya terdorong kepada gejala ajaran sesat baik yang bersifat keagamaan atau sebaliknya.

Mungkinkah kesemua elemen di atas telah meletakkan umat Melayu dalam konflik dan kecelaruan nilai; menerima cabaran tidak sahaja dari nilai globalisasi dan pegangan kerohanian yang rapuh, malah daripada pemikiran Islam yang bersifat agresif dan fundamentalis? Dalam usaha memahami persoalan ini, kita seharusnya berbalik kepada penghayatan peranan ajaran Islam yang menjadi nilai dominan (*dominant value*) kepada orang Melayu (Abd. Kadir Ariffin, 2003). Apatah lagi tujuan penurunan Islam kepada seluruh umat adalah membawa petunjuk kepada akal manusia dalam menangani persoalan-persoalan berkaitan kebaikan dan kelebihan yang perlu kepada seseorang untuk menjadi muslim yang soleh (Abdul Halim Mahmud, 1995). Jelasnya sistem nilai Islam mempunyai impak yang besar dalam pembangunan struktur pengetahuan akhlak (skema taakulan akhlak) orang Melayu.

Islam meletakkan agama sebagai payung kepada semua aspek kehidupan dan menjadi tunjang kepada akhlak dan moraliti (Bello, 2001; Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1990). Oleh itu pemikiran akhlak dan moral orang Melayu seharusnya dilihat berasaskan kepada kepercayaan agama yang merentasi domain yang lebih luas selari dengan falsafah ad-Din dalam Islam (Islam: satu cara hidup; *Islam: a way of life*). Justeru kajian ini akan meneroka maklumat-maklumat yang berkaitan dengan amalan dan penghayatan konsep ad-Din dalam pembentukan skema taakulan akhlak (struktur pengetahuan akhlak) orang Melayu yang beragama Islam dengan tujuan memahami fenomena dekadensi akhlak dalam kalangan orang Melayu.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai pemikiran moral atau pemikiran akhlak dalam kalangan orang Melayu Islam masih baru dan tidak banyak. Namun dengan cabaran globalisasi dan proses kebaratan pemikiran orang Islam yang cuba diterapkan kepada penduduk dunia melalui monopoli media gergasi dunia dan lain-lain maka kajian untuk menentukan corak pemikiran akhlak orang Islam amat wajar dilakukan. Walaupun banyak kritikan atau pemerhatian telah dibuat mengenai pengaruh barat ke atas pemikiran orang Islam tetapi kajian empirikal mengenainya masih kurang terutamanya dalam konteks Malaysia.

Sehingga kini hanya satu sahaja kajian empirikal peringkat doktor falsafah oleh Jas Laile Suzana Jaafar (1999) cuba meneliti taakulan dan pemikiran moral orang Melayu. Beliau melaporkan bahawa taakulan moral orang Melayu dipengaruhi oleh adat resam dan kepercayaan terhadap ajaran

agama Islam. Seterusnya, terdapat dua kajian berbentuk latihan ilmiah yang mengkaji taakulan moral orang Melayu oleh Azizah Ahmad (1995) dan Zamzuri Mahmood (1997). Kajian Azizah Ahmad (1995) melaporkan bahawa bentuk pemikiran moral pelajar Islam berdasarkan ketauhidan kepada Allah. Beliau mendapati terdapat hubungan terus antara agama dan tahap kemoralan pelajar apabila cuba menyelesaikan masalah moral. Dapatan Azizah Ahmad (1995) melaporkan pula bahawa subjek berpendidikan agama meletakkan panduan syariat sebagai pilihan teratas dalam penyelesaian masalah mereka (misalnya mencuri dan membunuh tidak dibenarkan oleh syariat). Pengesahan pemilihan ini seterusnya membawa kepada pilihan-pilihan tertentu berlandaskan syariat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Kajian oleh Abdul Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2001) pula hanya meneliti definisi konsep akhlak dan moral dalam kalangan pelajar Melayu. Dapatan kajian mereka melaporkan pelajar membuat perkaitan antara konsep ketauhidan dan akhlak dalam definisi akhlak mereka. Mereka juga mengesan terdapat kecelaruan perspektif dalam menentukan konsep dan makna akhlak dalam kalangan pelajar Islam. Manakala Mohd. Daud Hamzah (2000) pula mendapati pelajar Melayu di universiti mencapai skor yang tinggi bagi nilai kerohanian yang dikatakan berkait rapat dengan pegangan agama mereka.

Dapatan kajian di atas memberi petunjuk awal bahawa pegangan agama sebagai pengaruh utama pada seseorang Melayu untuk melalui dan mencapai skema taakulan moral yang paling rasional. Maklumat-maklumat ini dilihat selaras dengan pengelompokan jenis-jenis pemikiran moral Islam oleh Musa Garba (1999) yang meletakkan pemikiran moral berorientasikan keimanan terhadap kewujudan Allah (*Allah conscious morality*) memayungi

semua bentuk pemikiran moral yang lain. Unsur keimanan dalam dapatan kajian Azizah Ahmad (1995) dan unsur kerohanian dalam kajian Mohd Daud Hamzah (2000) mengukuhkan hujah Al-Ghazali berkenaan aspek spirituil dan rohani yang bersifat abstrak dalam isu akhlak. Menurut Al-Ghazali (1982) aspek ini dapat dikenal pasti dan diteliti melalui pemerhatian kepada aktiviti-aktiviti yang melambangkan kewujudan aspek-aspek ini dalam diri individu.

Kohlberg (1963) dalam Lapsey (1996) juga berpendapat kepercayaan dan keimanan yang teguh dalam sesuatu agama akan mengesahkan kemoralan seseorang dan memandu moralitinya kepada satu dimensi yang objektif. Dalam hal ini maklumat-maklumat daripada kajian di atas yang meletakkan hubungan agama dan moraliti dalam kalangan orang Melayu menjadi contoh kepada ciri tahap taakulan moral ke tujuh oleh Kohlberg (lihat lampiran tahap-tahap perkembangan moral oleh Kohlberg (1963) dalam Lapsey (1996), yakni tahap taakulan yang bersifat metaetika dan berkaitan dengan kosmos metafizikal (Lapsey, 1996).

Terdapat ciri lain seperti perbezaan kumpulan umur yang dapat melengkapkan penerokaan maklumat terhadap skema taakulan akhlak pelajar Melayu. Aspek perbezaan umur ini dilaporkan memberikan kesan kepada perbezaan taakulan moral dalam kajian Jas Laile Suzana Jaafar (1999) dan Zamzuri Mahmood (1997). Terdapat kepelbagaian kumpulan umur yang terlibat dalam pelbagai perlakuan perlanggaran akhlak. Hal ini memberi gambaran bahawa umur menjadi salah satu faktor penyumbang kepada taakulan moral. Kesemua kajian yang melibatkan subjek Melayu di atas menggunakan alat terpiawai skala moral Kohlberg (1976) untuk membuat klasifikasi taakulan akhlak subjek kajian mereka. Alat ini dilaporkan

mempunyai kekurangan untuk merekod bentuk-bentuk pemikiran akhlak dan mengukur taakulan akhlak orang Melayu (Jas Laile Suzana Jaafar, 1999).

Isu penaakulan moral ini harus dikaji memandangkan meningkatnya masalah-masalah keruntuhan moral dalam kalangan orang Islam khususnya golongan terpelajar di Malaysia pada masa ini. Justeru itu kita perlu memahami bagaimana skema penaakulan akhlak atau moral oleh orang Islam kini agar kita dapat mengenal pasti punca dan akibatnya kelak. Yang lebih penting kita juga perlu mempunyai cara menilai pemikiran akhlak orang Islam dari perspektif agama Islam sendiri agar corak penaakulan akhlak itu dapat diukur dengan lebih tepat bukannya menggunakan alat ukur yang dibina oleh orang bukan Islam (barat) seperti alat ukur Kohlberg (1976) dan lain-lain yang kerap digunakan. Sehubungan itu kajian ini akan membina alat ukur yang lebih sesuai dengan pegangan agama Islam dan budaya orang Melayu iaitu gabungan iman, amal dan ihsan yang berasaskan hujah-hujah ketauhidan kepada Allah yang diterjemahkan dalam bentuk ad-Din; *hablul min Allah dan hablul min an-nas*.

Berdasarkan premis di atas fenomena hubungan antara umur, kepercayaan agama dan taakulan akhlak mungkin terdapat dalam pembentukan skema taakulan akhlak (struktur pengetahuan akhlak) orang Melayu. Aspek kepercayaan agama yang menjadi pegangan hidup atau sebaliknya mengalami kelunturan mungkin mempengaruhi aspek taakulan akhlak mereka. Selain itu terdapat juga kemungkinan wujudnya kecelaruan antara pengaruh unsur-unsur selain unsur agama Islam dan budaya Melayu dalam skema taakulan akhlak mereka. Hal-hal yang berkisar dalam persoalan-persoalan ini akan cuba diterokai dalam kajian ini.